

14/10/1997

IT: Bantu guru beli komputer

Mohd Fuad Razali

KESATUAN Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) mencadangkan Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan institusi kewangan bagi menyediakan skim pinjaman komputer untuk guru.

Presidennya, Kassim Muhamad, berkata skim seumpama itu dapat mempermudah ramai guru memiliki komputer peribadi memandangkan kouta pinjaman komputer kerajaan sekarang sangat kecil berbanding jumlah guru yang ada.

Bagaimanapun, katanya, kesatuan menyedari faedah pinjaman yang dicaj oleh institusi kewangan sudah tentu lebih tinggi daripada yang dikenakan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya guru yang meminjam menerusi skim itu dikenakan caj yang sama iaitu empat peratus manakala baki faedah itu jika ada, ditanggung oleh kerajaan.

"Langkah ini dapat mempercepatkan perkembangan penguasaan kemahiran komputer di kalangan guru. Memandangkan sekolah adalah wadah asas untuk memberi kemahiran komputer kepada pelajar, maka guru perlu terlebih dahulu mahir dalam bidang teknologi maklumat," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Kempen Kesedaran Mengenai Teknologi Maklumat yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu.

Menurut Kassim, walaupun kerajaan sudah menambah peruntukan pinjaman komputer, peratusan guru yang berpeluang menikmati kemudahan itu masih kecil.

Katanya, ketika ini, sesetengah guru membuat pinjaman secara peribadi menerusi institusi kewangan, pinjaman koperasi atau menggunakan wang sendiri untuk membeli komputer.

"Bagaimanapun, bukan semua guru berkemampuan atau layak berbuat demikian, terutama yang baru bekerja. Dengan itu, jika pinjaman komputer boleh dilakukan menerusi institusi kewangan sudah tentu memberi kemudahan kepada guru," katanya.

Mengenai latihan komputer pula, katanya, guru tidak perlu menunggu program yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan atau jabatan pendidikan negeri kerana mereka mungkin terpaksa menunggu lama untuk sampai giliran masing-masing.

Bagi guru yang berkemampuan, beliau mencadangkan mereka mengikuti latihan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak, termasuk kesatuan guru sendiri.

Malah, katanya, jika Kementerian Pendidikan memberi kebenaran, makmal komputer sekolah boleh digunakan untuk melatih guru yang ada di sekolah masing-masing.

(END)